

MAHATHIR - PENGARUH 1984

SONG (SARAWAK), 11 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMADHARI INI HENGGATKAN PENDUDUK SARAWAK SUPAYA MENGAWASI GOLONGAN TERTENTU YANG CUBA MENYEBARKAN PENGARUHNYA DI NEGERI INI.

PERDANA WENTERI BERKATA KUMPULAN DARISEMENANJUNG MALAYSIA ITU JIKA DIBIARKAN BERGIAT DI SARAWAK SUDAH TENTUKAN MENIMBULKAN MASALAH KEPADA PENDUDUK NEGERI INI.

+ SAYA YAKIN RAKYAT SARAWAK TIDAK AKAN MEMBIARKAN DIRI HERAKA DARIPADA DIPENGARUH OLEH ORANG-ORANG MACAM XNI.

+ MEREKA TIDAK ADA NIAT LAIN SELAIN UNTUK MENIMBULKAN MASALAH KEPADA SARAWAK, + TAMBAHNYA SEMASA BERUCAP KEPADA PENDUDUK SUKU IBAN SEMPA LAWATANNYA KE RUMAH PANJANG PEMANCA MANGAI, NANGA ENGUAH DEKAT SPNX.

PERDANA MENTERI JUGA MENGESYORKAN SUPAYA RUMAH-RUMAH PANJANG YANG TERDAPAT BERSELERAK DI NEGERI INI DIKUMPULKAN MENJADI SATU KAMPUNG KECIL.

--LAGI

1743MST 11 09 84

D788

R B180 DEB

MAHATHIR - PENGARUH 2 SONG (SARAWAK)

DENGAN DEMIKIAN, BELIAU PERCAYA KERAJAAN DENGAN MUDAH DAPAT MENYEDIAKAN SEGALA INFRASTRUKTUR TERMASUK JALANRAYA, HOSPITAL DAN SEKOLAH.

MENURUTNYA, DALAM KEADAAN SEKARANG, DIMANA RUMAH-RUMAH PANJANG TERLETAK JAUH ANTARA SATU SAMA LAIN, ADALAH SULIT SEKALI BAGI KERAJAAN KERANA TERPAKSA MENGELUARKAN WANG YANG BANYAK UNTUK MENYEDIAKAN KEMUDAHAN BAGI CUM 4 SATU RUMAH PANJANG YANG MEMPUNYAI SEDIKIT BILANGAN PENDUDUK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT RUMAH-RUMAH PANJANG BOLEH DIBINA MENGIKUT TEKNOLOGI MODEN SEPERTI MENGGUNAKAN BATU-BATA DAN DIHIASKAN DENGAN CANTIK.

INI BOLEH DILAKUKAN DENGAN MENGEKALKAN REKABENTUK RUMAH PANJANG YANG ADA SEKARANG DAN TANPA MENJEJASKAN CARA HIDUP PENGHUNINYA.

PERDANA MENTERI JUGA BERJANJI UNTUK MENGAJAI KEMUNGKINAN MENGADAKAN SEBUAH HOSPITAL BAGI DAERAH SONG SEPERTI YANG DIPINTA OLEH PARA PENDUDUK. -- BERNAMA